

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
NIRWANA BALLROOM, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
MAJLIS ULANGTAHUN KELIMA PUSPANITA JABATAN PERDANA
MENTERI
10 NOVEMBER 1988**

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Petang. Yang Berhormat Tan Sri Alwi Jantan, Penasihat PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Puan Sri Sharifah Aminah, Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana pada petang yang bahagia ini dapat saya bersama puan-puan sekalian dalam Majlis Ulangtahun Kelima PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya untuk menghadiri majlis ini.

2. Saya berbangga dengan kemajuan PUSPANITA selama lima tahun kebelakangan ini. Semenjak dilancarkan pada tahun 1983 PUSPANITA telah berkembang dengan pesatnya. Kini terdapat cawangan-cawangan PUSPANITA disetiap kementerian dan jabatan Kerajaan. Cawangan PUSPANITA juga ditubuhkan disemua negeri di tanahair dan juga di luar negeri melalui Perwakilan kita di luar negeri. Boleh dikatakan PUSPANITA sekarang telah menjadi satu pertubuhan wanita yang besar di negara kita.

3. Saya gembira kerana PUSPANITA telah berjaya menyatukan para isteri dan anggota wanita dalam perkhidmatan awam. Ahli-ahli PUSPANITA dapat bertemu dan berkenalan sesama sendiri, bertukar-tukar pendapat dan menjalankan aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan demi kepentingan perkhidmatan awam. Dengan wujudnya PUSPANITA, ahli-ahlinya telah dapat mendalami ilmu pengetahuan mereka melalui sem- inar, ceramah dan kursus yang telah dianjurkan oleh PUSPANITA. Lain-lain kegiatan yang boleh dibanggakan termasuk pengelolaan acara sukan, hari keluarga, lawatan sambil belajar, kutipan derma untuk badan amal dan kebajikan dan Bermacam-macam aktiviti lagi.

4. Dalam usia begitu muda PUSPANITA telah bergerak maju untuk menggembungkan tenaga para isteri dan anggota wanita perkhidmatan awam di bawah satu pertubuhan. Tentulah di sesuatu pertubuhan yang besar banyak masalah yang dihadapi. Saya sedar PUSPANITA mempunyai beberapa masalah yang perlu diatasi sekiranya kita mahu kemajuan. Di antara masalah-masalahnya ialah kekurangan minat ahli-ahli dan kekurangan pemimpin untuk memimpin PUSPANITA.

5. Saya sedar ada perbezaan kecenderungan atau interest di antara para isteri dan anggota wanita perkhidmatan awam. Sebagai suri, para isteri yang tidak bekerja terpaksa menumpukan perhatian mereka kepada keluarga dan hal ehwal rumah tangga, manakala para anggota wanita yang bertugas dalam perkhidmatan awam terpaksa menumpukan perhatian mereka kepada tugas seharian di pejabat. Setelah bekerja

sepanjang hari, para anggota wanita perlu pula menumpukan perhatian kepada keluarga mereka apabila pulang dari pejabat dan mungkin tidak mempunyai waktu lapang yang banyak. Ini menyebabkan mereka kurang minat untuk bergiat lebih aktif dalam persatuan. Tetapi ini tidak boleh menjadi alasan kenapa puan-puan tidak dapat melibatkan diri dalam persatuan. Saya ingin melihat kerjasama yang lebih erat di kalangan surirumah dan anggota wanita perkhidmatan awam demi kebaikan PUSPANITA.

Para hadirin sekalian,

6. Peranan puan-puan dalam persatuan ini sangat penting kerana sebagai satu persatuan yang besar, puan-puan merupakan tenaga yang boleh menunjukkan kepimpinan dan semangat sukarelawan kepada persatuan-persatuan lain. Maka dengan itu saya harap ahli-ahli PUSPANITA akan berubah sikap dan bertekad untuk bergiat dengan lebih aktif lagi dalam persatuan. Mungkin PUSPANITA dapat memikirkan dan menganjurkan kegiatan-kegiatan yang menarik yang boleh menarik minat ahli-ahlinya untuk mengambil bahagian.

7. Dalam urusan seharian, saya percaya puan-puan mempunyai banyak tugas yang hendak dilakukan. Tetapi kita patut pandai mengagihkan masa untuk kerjaya keluarga dan persatuan. Peranan puan-puan dalam membimbing dan mencipta keluarga bahagia tidak perlu saya sebutkan. Keluarga yang bahagia adalah yang berasaskan kasih sayang dan didikan yang mengutamakan nilai-nilai agama, disiplin serta teladan yang baik. Kita patut memperuntukkan masa walaupun terhad supaya dapat bermesra dan bermain dengan anak-anak.

8. Mulai minggu hadapan hingga bulan Disember ini anak-anak kita akan menghadapi cuti sekolah yang panjang. Saya harap puan-puan melalui PUSPANITA dan persatuan-persatuan sendiri dapat merancang aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk mereka supaya dapat menggunakan masa lapang ini dengan cara yang berfaedah. Aktiviti yang menitikberatkan kepentingan anak-anak patut disusun dengan bersungguh-sungguh. Dalam keadaan sekarang, sudah terdapat ramai anak-anak dan remaja kita yang jatuh ke lembah yang tidak diingini kerana terbiar. Tabiat penyalahgunaan dadah di kalangan muda mudi masih berleluasa di negara kita. Kita harus menghapuskan gejala itu daripada masyarakat kita.

9. Dalam segala usaha kita ini, kepimpinan amatlah penting sekali. Saya berharap lebih ramai lagi isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan akan menjadi ahli PUSPANITA dan mengambil bahagian yang cergas memimpin PUSPANITA di organisasi-organisasi suami mereka bertugas. Mereka tentunya bukan sahaja mempunyai banyak pengalaman hidup tetapi juga boleh menyemaikan ciri-ciri keperibadian yang baik yang boleh diteladani oleh para ahli yang lebih muda.

Para hadirin sekalian,

10. Semenjak lima tahun PUSPANITA ditubuhkan, saya rasa amat berbangga kerana

melalui pertubuhan ini kita kaum wanita dapat bersatu-padu dan merapatkan hubungan silaturrahim di antara para suri dan anggota wanita yang lain di samping membuat kerja-kerja kebajikan untuk faedah semua golongan masyarakat. Saya berdoa semoga semua usaha puan-puan di masa akan datang mendapat kejayaan dan diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

11. Saya akhiri dengan Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.